

Ahli Parlimen angkat sumpah 16 Julai

SelangorKini.my

23 Jun 2018

KUALA LUMPUR 23 JUN: Semua ahli Dewan Rakyat akan mengangkat sumpah jawatan pada Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas yang akan bermula pada 16 Julai depan selama 20 hari.

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme Hamzah berkata, majlis angkat sumpah itu akan dilakukan selepas pelantikan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

“Istiadat pembukaan sidang Parlimen akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V pada 17 Julai,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, mesyuarat pertama bagi penggal ini akan dimulakan dengan usul menjunjung kasih dan perbincangan Titah Diraja selama dua minggu diikuti dengan sesi penggulungan oleh menteri-menteri pada minggu ketiga.

“Urusan minggu keempat dan kelima adalah perbincangan bagi rang undang-undang dan urusan kerajaan yang lain,” katanya.

© Copyright 2016 - Developed for the People of Selangor

Source: <https://selangorkini.my/2018/06/ahli-parlimen-angkat-sumpah-16-julai/>